AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN (PENGELUARAN SIJIL KESIHATAN BAGI EKSPORT IKAN DAN HASILAN IKAN KE KESATUAN EROPAH) 2009

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 34 Akta Makanan 1983 [*Akta 281*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Makanan (Pengeluaran Sijil Kesihatan bagi Eksport Ikan dan Keluaran Ikan ke Kesatuan Eropah) 2009**

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

"ikan" mempunyai pengertian yang sama yang diberikan kepadanya dalam Akta Perikanan 1985 [*Akta 317*];

"kehendak Kesatuan Eropah" ertinya apa-apa kehendak yang dikenakan oleh Kesatuan Eropah yang berhubungan dengan pengeluaran sijil kesihatan berkenaan dengan ikan dan keluaran ikan;

"keluaran ikan" termasuklah semua bentuk, bahagian dan hasil ikan yang boleh dimakan;

"pihak berkuasa kompeten" ertinya mana-mana pegawai Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia dan mana-mana pegawai Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan, Jabatan Kesihatan Negeri, yang ditetapkan oleh Menteri bagi maksud Peraturan-Peraturan ini.

Pematuhan kehendak Kesatuan Eropah

3. Mana-mana orang yang berhasrat untuk mengeksport apa-apa ikan dan keluaran ikan ke Kesatuan Eropah hendaklah mematuhi kehendak Kesatuan Eropah

Permohonan untuk sijil kesihatan

4. (1) Mana-mana orang yang berhasrat untuk mengeksport apa-apa ikan dan keluaran ikan ke Kesatuan Eropah hendaklah memohon sijil kesihatan daripada pihak berkuasa kompeten bagi setiap konsainan ikan dan keluaran ikan itu secara bertulis.

(2) Pemohon di bawah subperaturan (1) hendaklah membuat perakuan bahawa-

(a) dia telah mendapatkan bekalan ikan dari, atau bekalan keluaran ikan dari ikan yang dibekalkan oleh pemunya sistem kultur atau vesel penangkapan ikan yang berkenaan dengannya suatu sijil kualiti ikan di bawah Peraturan-Peraturan

Perikanan (Kawalan Kualiti Ikan bagi Eksport ke Kesatuan Eropah) 2009 telah dikeluarkan dan masih sah; dan

(b) dia telah mematuhi kehendak Kesatuan Eropah berhubungan dengan ikan dan keluaran ikan bahawa-

(i) ikan yang dibekalkan oleh seseorang pemunya vesel penangkapan ikan yang telah didaratkan di tapak pendaratan yang mematuhi kehendak Kesatuan Eropah;

(ii) ikan dan keluaran ikan separa proses diperolehi dari sebuah stor sejuk atau premis pemprosesan bebas yang mematuhi kehendak Kesatuan Eropah;

(iii) bahan mentah ikan dan keluaran ikan yang diimport adalah diperolehi dari sumber yang diluluskan oleh Kesatuan Eropah dan hendaklah disertakan dengan suatu sijil kesihatan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kompeten negara pengeksport;

(iv) ais yang digunakan dalam pengangkutan atau pemprosesan ikan dan keluaran ikan adalah diperolehi daripada premis pengeluar ais yang mematuhi kehendak Kesatuan Eropah;

(v) kenderaan yang digunakan untuk mengangkut ikan dan keluaran ikan atau ais adalah mematuhi kehendak Kesatuan Eropah; atau

(vi) pemprosesan atau penyediaan ikan dan keluaran ikan adalah dijalankan di premis eksport yang mematuhi kehendak Kesatuan Eropah.

Pengeluaran sijil kesihatan

5. (1) Pihak berkuasa kompeten boleh, selepas menimbangkan suatu permohonan untuk suatu sijil kesihatan di bawah subperaturan 4(1) dan setelah berpuas hati dengan perakuan yang dibuat di bawah subperaturan 4(2) dan bahawa pemohon itu telah mematuhi kehendak Kesatuan Eropah, mengeluarkan sijil kesihatan.

(2) Sijil kesihatan di bawah peraturan ini hendaklah dikeluarkan hanya bagi konsainan ikan dan keluaran ikan yang berkaitan dengannya.

Pembatalan sijil kesihatan

6. Pihak berkuasa kompeten boleh pada bila-bila masa membatalkan sijil kesihatan yang dikeluarkan di bawah peraturan 5 jika orang yang kepadanya sijil kesihatan itu dikeluarkan melanggar mana-mana kehendak Kesatuan Eropah.

Kuasa pegawai Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan, Jabatan Kesihatan Negeri

7. (1) Pegawai-pegawai Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia dan mana-mana pegawai Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan, Jabatan Kesihatan Negeri hendaklah mempunyai kuasa yang berikut:

(a) untuk menjalankan kawalan rasmi sebagaimana yang ditetapkan dalam kehendak Kesatuan Eropah;

(b) *(*untuk memeriksa premis eksport;

(c) untuk memeriksa kenderaan yang digunakan untuk mengangkut ikan dan keluaran ikan ke premis eksport;

(d) untuk memeriksa pengeluar ais yang membekalkan ais bagi maksud konsainan ikan dan keluaran ikan untuk eksport;

(e) untuk memeriksa stor sejuk yang digunakan untuk menyimpan apa-apa konsainan ikan dan keluaran ikan untuk eksport;

(f) untuk memeriksa premis yang di dalamnya terdapat bahan mentah separa proses ikan dan keluaran ikan untuk eksport; dan

(g) untuk memeriksa sumber yang darinya bahan mentah ikan dan keluaran ikan diimport untuk dieksport

(2) Dalam peraturan ini, “premis eksport” ertinya mana-mana premis atau kemudahan yang di dalamnya ikan dan keluaran ikan disediakan untuk dieksport ke Kesatuan Eropah.

Made 26 February 2009